

SUKAN SEA

4 lagi perak untuk kita

14 SEP 1987

JAKARTA: Singapura tidak memenangi pingat emas pada hari ketiga Sukan SEA Ke-14 di sini, semalam.

Bagaimanapun, empat butir perak yang diragut melalui acara menembak, golf wanita dan judo, cukup dibanggakan kerana semua pencabarnya adalah unggul belaka.

Tan Boon Huat menambah kutipan perak bagi Singapura dalam acara menembak '60 shot' perseorangan.

Sebutir perak lagi dimenangi oleh ahli judo.

Indonesia sedang mendahului negara-negara lain dalam kutipan pingat dengan 58 emas, 49 perak dan 21 gangsa. Ia diikuti oleh Thailand (27-13-21), Filipina (19-33-25) dan Singapura (7-14-20).

Dalam acara pencak silat, kebangkitan Ruslan Haji Ismail dari Brunei dalam pusingan ketiga gagal menyekat kemaraan pesilat Singapura, Mohd Anwar Abdul Aziz, ke pertandingan akhir Kelas 'A' dalam acara pencak silat.

Dengan kemenangan ini, Anwar, berpeluang menebus kekalahannya apabila berdepan dengan Joko Widodo dari Indonesia yang menewaskan Ahmad Wardi Salim dari Malaysia.

Rafae, Khusairi akan rebut emas

14 SEP 1987

B. Harian (M)



PENCAK SILAT

HANYA dua daripada sembilan pesilat negara layak ke peringkat akhir pencak silat yang diadakan di Dewan Pusat Beliam, Jakarta Timur, pagi semalam.

Mohamad Rafae dan Ahmad Khusairi Ibrahim mengalahkan pencabar masing-masing dari Singapura dalam kategori A dan C.

Mohamad Rafae mengalahkan Abdul Talib Tambi 4-1 dan Khusairi mengalahkan Zakaria Daud 5-0.

Rafae akan bertemu Dedi Marani (Indonesia) manakala pencabar Khusairi belum ditentukan.

Lima pesilat Malaysia yang turut beraksi pada peringkat separuh akhir tetapi tewas semalam ialah Khadijah Saleh (kelas A), Ahmad Wardi Salim (B), Siti Anida Mahadi (D), Azam Haji Abbas (H) dan Mohd Fauzi Aziz bagi kelas I.

Pada peringkat itu Khadijah tewas kepada pesilat Singapura, Hazra Khanam. Sementara Ahmad Wardi pula tumpas kepada Joko Widodo (Indonesia) dan Fauzi dikalahkan oleh Sarno (Indonesia).

Nasib empat lagi ahli silat kebangsaan akan ditentukan esok apabila mereka menyertai perlawanan separuh akhir dalam kelas masing-masing.

Dalam acara pencak silat ini lima negara mengambil bahagian iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei.



Semalam 'hari emas' untuk Singapura

16 SEP 1987

SEMALAM adalah 'hari emas' bagi kontinjen Singapura yang sedang mengambil bahagian dalam Sukan SEA Jakarta. Mereka memenangi lapan butir emas untuk menjadikan jumlah emas Singapura sejauh ini kepada 16 butir semuanya.

Lima daripada tujuh emas yang diperolehi itu datang daripada atlet-atlet Melayu — bina badan, ski-air dan pencak silat. Atlet-atlet Singapura juga memenangi 11 butir pingat perak dan beberapa pingat gangsa.

Fatholomein Ali, Ibrahim Shah dan Hashim Salim menyumbangkan emas atas kemenangan masing-masing dalam acara bina badan.

Singapura mengutip sebutir lagi emas melalui Hazrah Khanam dalam acara silat bahagian wanita.

Jasmie Hussein memenangi pingat emas ski-air acara 'slalom' di Tasik Bedegul, Bali semalam. Selain daripada kejayaan Jasmie, Singapura juga menggondol dua pingat perak dan sebutir gangsa pada hari kedua acara ini.

Pasukan bowling memungut dua butir emas dan sebutir perak.

Satu keputusan luar biasa dalam acara hoki dicatatkan oleh pasukan lelaki kita yang secara menewaskan Malaysia 3-0, sementara pasukan wanita kita pula mengatasi Thailand 2-1.

Kenneth Tan memenangi pingat gangsa dalam perlumbaan lumba basikal acara 4,000 meter kejar-mengejar perseorangan, di Velodrom Rawamangun, petang semalam.

Inilah pingat pertama yang dimenangi oleh pasukan Singapura dalam acara ini.

Di kolam renang, David Lim memenangi pingat emasnya yang keempat, tetapi kejayaan yang mengejutkan telah dicapai oleh perenang wanita Indonesia, Elfira Rosa Nasution.